

05 NOV 1999

Mahathir-Fitnah

UMNO PERLU GEMBLENG USAHA MENANGKIS FITNAH

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota Umno perlu menggembeleng usaha menangkis fitnah yang dilemparkan oleh pembangkang terhadap parti dan kerajaan sebelum rakyat terus terkeliru antara yang benar dan yang bohong.

Perdana Menteri dan Presiden Umno itu berkata ada tanda rakyat sudah percaya dengan fitnah pembangkang termasuk oleh bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga sukar bagi Umno menerangkan kepada rakyat perkara yang sebenar.

"Kalau kita tidak ambil tindakan mungkin rakyat akan membuat keputusan yang tidak bijak dan mungkin kita akan rasa kesannya pada pilihan raya umum akan datang," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran Operasi Membasmi Fitnah anjuran Bahagian Penerangan ibu pejabat Umno di sini.

Beliau berkata dakwaan yang dilemparkan oleh PAS terhadap Umno mudah ditangkis tetapi adalah sukar bagi Umno untuk menjelaskan perkara sebenar terhadap dakwaan yang dibuat oleh Anwar kerana ia dibuat dengan terperinci dan tersusun.

Dr Mahathir mengarahkan bahagian penerangan Umno dan semua pemimpin parti supaya berusaha membuat penjelasan kepada orang ramai bagi meyakinkan mereka apa yang dikatakan Umno adalah benar dan apa yang dikatakan pembangkang adalah fitnah.

Katanya jawatankuasa penerangan Umno dan pegawai-pegawainya perlu belajar bagaimana hendak menyampaikan penerangan kepada rakyat bagi meyakinkan mereka bahawa Umno berada di sebelah yang benar.

"Saya tidak tahu penjelasan saya ini mengenai Datuk Seri Anwar dapat digunakan dengan berkesan (menangkis fitnah). Sekiranya tidak berkesan kita perlu fikirkan pendekatan lain," katanya.

Perdana Menteri berkata pada hakikatnya hari ini Umno menghadapi masalah serangan terhadap parti berasaskan fitnah sehingga semua kebaikan yang dilakukan parti dan kerajaan untuk negara, bangsa dan agama diketepikan. Sebaliknya sebahagian rakyat menumpukan kepada tuduhan bahawa Umno dan pemimpinnya adalah amat zalim dan menganiaya kaum bangsa dan agama sendiri.

"Ini tuduhan yang dilemparkan kepada kita dan saya dapati ramai daripada kita tidak begitu berjaya menangkis tuduhan itu dan disebabkan itu mereka (rakyat) akan menolak segala penerangan kita hanya dengan berkata kita berada di pihak yang tidak benar dan kita adalah orang zalim.

"Mungkin kita semua belum mendapat pendekatan yang boleh digunakan untuk menangkis fitnah dan pembongkaran. Tetapi sama-samalah kita fikir supaya dapat dengan berkesan memberi penerangan untuk menghilangkan kekeliruan di kalangan rakyat supaya mereka balik mengiktiraf Umno parti yang berjaya memperjuangkan nasib bangsa dan agama dan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata perbuatan menfitnah itu sudah sampai pada satu tahap bahaya kerana ia mengelirukan rakyat sehingga mereka tidak tahu yang mana baik dan buruk dan yang mana benar dan yang bohong.

Beliau menjelaskan bahawa adalah mudah bagi Umno untuk menangkis pembongkaran dan fitnah yang dilemparkan oleh PAS terhadap parti itu kerana PAS berbohong secara berdepan tetapi Anwar membuat perancangan rapi (untuk capai cita-cita politik) tanpa didapat dikesan sesiapa bahawa itu adalah pembongkaran.

"Pemimpin PAS seperti Datuk Nik Abdul Aziz, bila orang tanya mengenai buku Shit oleh Shanon Ahmad, beliau (Nik Aziz) terus berbohong mengatakan

Tuhan pun mencarut," katanya dan semua tahu bahawa Tuhan tidak berbuat demikian tetapi penyokong kuat PAS mempercayai cakap Nik Aziz itu.

Dalam hal pembohongan Anwar, katanya, sukar bagi seseorang termasuk anggota Umno sendiri untuk mempercayai beliau (Anwar) sebagai orang yang dipandang warak boleh melakukan perkara yang bertentangan dengan imej yang telah ditonjolkan olehnya sebelum ini.

"Sayapun tertipu dengan taktiknya," katanya dan menjelaskan bahawa beliau menerima Anwar menyertai Umno pada 1981 setelah Anwar yang menyatakan keinginannya untuk menjadi anggota parti itu.

"Sepanjang 16 tahun dalam Umno dia berjaya menipu kita hingga percayakannya sebagai seorang pemimpin yang setia dan ikhlas kepada parti. Tetapi sebaik sahaja disingkir, dia terus mengecam Umno," katanya dan menekankan bahawa Anwar tidak menyertai PAS kerana sedar bahawa dia tiada berpeluang menjadi perdana menteri (dengan menyertai PAS).

Dr Mahathir berkata selain berbohong kepada rakyat, PAS dan DAP juga berbohong sesama sendiri sementara parti Keadilan pula memperjuangkan kepentingan Anwar.

"PAS walaupun mahu menubuhkan sebuah negara Islam, terpaksa membuat manifesto peringkat negeri bagi membohongi DAP yang menentanginya," katanya.

Kini, isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail menyertai pembangkang dengan pergi ke sana sini untuk berbohong kepada rakyat dengan memburuk-burukkan pemimpin dan kerajaan, katanya.

-- BERNAMA

ARA RON